

BAB II

PERANAN PERTUBUHAN BURUH ANTARABANGSA DI DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI

Bab ini akan membincangkan aktiviti-aktiviti Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) didalam arena yang amat rapat hubungannya dengan pembangunan ekonomi negara. Di tahun-tahun yang lepas hingga kehari ini aktiviti pertubuhan itu didalam bidang ini menjadi semakin pesat dan penting.

1). BIDANG PEKERJAAN DAN PENGANGGORAN

Penganggoran dunia semakin bertambah dari sehari ke sehari. Ia amat ketara sekali diakhir tahun 1957 dan diawal tahun 1958. Oleh sebab itu Pertubuhan Buruh Antarabangsa telah mengambil langkah untuk mengkaji masaalah ini di seluruh dunia. Langkah pertama telah diambil pada tahun 1958 oleh Badan Pemerentah Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) apabila ia membuat lapuran mengenai keadaan pekerjaan.⁽¹⁾ Lapuran tersebut siap pada tahun berikutnya. Lapuran tersebut telah menunjukkan berbagai-bagai jenis penganggoran didalam negara-negara anggota.

Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) juga telah mengambil satu piawai (standard) antarabangsa yang akan digunakan untuk mengatasi masaalah penganggoran ini.

(1) Lihat - Employment and Unemployment Views and Policy 1919 - 1969 - 99 (1969) ILR 293

Laporan Badan Pemerentah tersebut telah diedarkan kepada wakil-wakil yang menghadiri Persidangan Buruh Antarabangsa sessi ke 42 pada tahun 1958.⁽²⁾ Kemudian lapuran tersebut diberikan kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk diserahkan kepada Majlis Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Dari sini lapuran tersebut diberikan kepada negara-negara anggota untuk menjadi perhatian mereka.

Pada akhir tahun 1958, Badan Pemerentah telah menyemak semula lapuran tersebut setelah menerima pandangan dan teguran dari negara-negara anggota.⁽³⁾

Pada bulan Jun 1959, Persidangan Buruh Antarabangsa sessi ke 43 pada tahun 1959 telah mengambil satu resolusi mengenai cara-cara untuk menggalakkan pekerjaan dan tindakan yang akan diambil untuk mengurangkan penganggoran. Didalam meluluskan resolusi ini 166 negara mengundi menyokong, satu menentang dan 10 berkecuali. Resolusi itu menyeru negara-negara anggota untuk meluaskan lagi bidang pekerjaan di negara-negara tersebut.⁽³⁾

Resolusi tersebut juga telah menyeru pertubuhan majikan dan pekerja untuk menyemak polisi dan tindakan mereka serta apakah kesan tindakan mereka di bidang pekerjaan dan penganggoran. Sebagai ekoran resolusi di

(2) Lihat Lapuran Pengurus Agung PBA kepada PBB Geneva (1958 - 1959)

(3) Ibid

atas, Majlis Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada bulan Julai tahun 1959 telah meluluskan satu resolusi berkenaan perkara penganggoran. Ia bersetuju dengan langkah yang diambil oleh Persidangan Buruh Antarabangsa dan menyeru negara-negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk membincangkan keadaan ekonomi di perengkat serantau (regional) dan dunia.⁽⁴⁾

Pada bulan November tahun 1959 Badan Pemerentah Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) telah memberi ketetapan untuk meneruskan minatnya terhadap keadaan ekonomi di negara-negara anggota terutama di negara-negara yang sedang membangun. Ia juga telah mencadangkan supaya pertubuhan ini terus mengkaji dan menyelidiki kemanakah arah pekerjaan dan penganggoran. Lapuran-lapuran tersebut sentiasa diberikan kepada Badan Pemerentah dari masa ke masa. Untuk memudahkan kerjanya di bidang ini Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) telah membahagikan kerjanya kepada perengkat-perengkat serantau (regional).⁽⁵⁾

Aktiviti Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) di
bidang Penganggoran dan Pekerjaan di Asia

Masaalah penganggoran di Asia telah dibincangkan oleh pertubuhan ini sejak tahun 1950.⁽⁶⁾ Ia telah dibincangkan

(4) Lihat Lapuran Pengurus Agung PBA kepada PBB (Aktiviti-aktiviti PBA di tahun 1959) Terbitan Pejabat Buruh Antarabangsa 1960.

(5) Opcit

(6) Lihat - Fifty Years of the ILO and Asia 99 (1969) ILR 347

pertama kalinya pada tahun 1955⁽⁷⁾ oleh Jawatankuasa Penasihat Asia (Asian Advisory Committee) di Geneva apabila ia meneliti aspek sosial dan pertumbuhan ekonomi negara-negara Asia dengan rujukan khas terhadap pembentukan modal dan pengeluaran pertanian.⁽⁸⁾

Diantara syor-syor yang diberikan oleh Jawatankuasa tersebut untuk mengurangkan penganggoran ialah dengan menambah dan menggunakan tenaga buruh sepenuhnya. Ia juga mengesyorkan supaya tanah-tanah dan perusahaan-perusahaan kecil dicantumkan. Sumber-sumber tenaga yang telah ada juga perlu digunakan sepenuhnya sementara sumber atau modal yang baharu perlu dicari.⁽⁹⁾

Cadangan oleh Jawatankuasa tersebut telah diambil oleh Badan Pemerintah untuk dibincangkan di Persidangan-Persidangan Serantau (Asia). Sementara itu Jawatankuasa Penasihat Asia akan meneruskan kajiannya mengenai aspek sosial dan sekim pembangunan ekonomi di negara-negara Asia terutama di bidang pengeluaran pertanian.⁽¹⁰⁾

Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) juga telah mengambil bahagian didalam Persidangan Badan Petugas yang pertama pada tahun 1956 mengenai pembangunan ekonomi dan

(7) Opcit

(8) Opcit

(9) Ibid

(10) Ibid

perancangan. Persidangan tersebut telah dianjurkan oleh Suruhanjaya Ekonomi bagi Asia dan Timur Jauh di Bangkok. Salah satu perkara yang dibincangkan didalam persidangan itu ialah mengenai penggunaan tenaga buruh yang berlebihan di beberapa buah negara tertentu seperti India. (11)

Satu Seminar mengenai peluang pekerjaan di Asia telah diadakan di Manila pada bulan December tahun 1969 iaitu anjuran Pertubuhan Buruh Antarabangsa. Seminar tersebut diadakan berikutan dari keputusan yang diambil oleh Badan Pemerentah Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) pada persidangan sessi yang ke 73 tahun 1968. (12) Badan Pemerentah sebelumnya telah bersetuju untuk mengadakan satu siri seminar bagi kawasan Asia. Seminar-seminar tersebut diadakan dibawah rancangan khas pertubuhan itu untuk menggalakkan peluang pekerjaan di Asia. Dengan seminar-seminar yang diadakan adalah diharapkan mereka dapat bertukar-tukar pandangan dan pengalaman mengenai masaalah pekerjaan. Juga diharapkan, keputusan dari seminar tersebut dapat digunakan bagi menggalakkan tindakan-tindakan kerajaan dan antara-bangsa di bidang pekerjaan di Asia.

(11) Lihat: "The Employment Problems": A Critical Evaluation of Four ILO Comprehensive Country Reports 107 (1973) ILR 339

(12) Lihat: Lapuran Pengurus Agung PBA kepada PBB (International Labour Office) Geneva 1968

2) Rancangan Bantuan Teknik

Rancangan bantuan teknik adalah salah satu rancangan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) yang terbesar. Separoh daripada aktiviti-aktiviti International Labour Organization (ILO) adalah di bidang bantuan teknik ini.

Bantuan teknik diberikan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) kepada negara-negara anggota didalam beberapa bentuk (form). Diantaranya ialah dengan menghantar pakar-pakar teknik, penasihat teknik dan pengawas-pengawas kepada negara-negara anggota.⁽¹³⁾ Selain daripada itu Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) juga melatih pelatih-pelatih dari negara anggota, memberi hadiah dan biasiswa untuk belajar dibidang teknik kepada juruteknik-juruteknik negara-negara anggota.⁽¹⁴⁾

Bantuan teknik ini sebenarnya diberikan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) kepada negara-negara anggota didalam tiga rancangan yang besar.⁽¹⁵⁾ Rancangan-rancangan tersebut ialah Rancangan Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nation Development Programme), Rancangan Perbelanjaan Tetap Pertubuhan Buruh Antarabangsa (The International Labour Organization Regular Budget Program) dan Rancangan Tabung Amanah (Trust Fund Programme).

(13) Majallah "Suara Teknik" - Terbitan Kementerian Buruh Malaysia 1968

(14) Ibid

(15) ILO Panorama (Terbitan Pejabat Buruh Antarabangsa - Geneva) No. 45 November - December 1970

Bantuan teknik ini diberikan kebanyakannya di bidang tenaga buruh, latihan vokesyenal, daya pengeluaran dan pembangunan pengurusan, syarikat kerjasama dan keselamatan sosial. (16)

Rancangan bantuan teknik ini dimulakan selepas perang dunia yang ke dua. Selepas perang dunia yang ke dua Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) mula menghantar penasihat-penasihat tekniknya ke negara-negara anggota untuk memberi nasihat di bidang teknik.

Dari setahun ke setahun rancangan bantuan teknik semakin berkurangan. Contohnya perkembangan pesat berlaku pada tahun 1962 iaitu satu projek bantuan teknik yang dijalankan di bawah Tabung Khas (Special Fund). Pada akhir tahun 1962 sebanyak tiga puluh lima projek Tabung Khas (bantuan teknik) telah ditubuhkan. Jumlah wang yang disediakan di bawah Tabung Khas tersebut ialah 30 juta ringgit dan jumlah ini dibelanjakan untuk jangka masa tiga tahun sahaja. Di tahun-tahun berikutnya iaitu dengan adanya sumbangan dari negara-negara anggota yang lebih banyak jumlah tersebut telah meningkat menjadi 70 juta ringgit.

Di bawah Rancangan Perluasan Bantuan Teknik yang ditubuhkan pada tahun 1960 - sebanyak sembilan puluh satu negara anggota telah menerima bantuan teknik tersebut

iaitu diantara tahun 1961 dan 1962. Rancangan ini melibatkan belanja sebanyak \$7,523,886.

Jumlah perbelanjaan di bawah Rancangan Perbelanjaan Tetap Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) ialah sebanyak \$646,558 pada tahun 1962 dan perbelanjaan di bawah Rancangan Tabung Amanah pada tahun yang sama ialah sebanyak \$180,000.

Pembahagian bantuan teknik pada tahun 1972 mengikut kawasan adalah seperti berikut: (17)

Asia - 32.8%, Afrika - 21.4%, Latin Amerika - 20.8%, Timur Tengah - 14.2% dan lain-lain kawasan - 10.8%.

Bantuan Teknik kepada beberapa negara:

i) INDIA

Di India berikut dari syor-syor yang dibuat oleh Jawatankuasa Shira Rao, pakar-pakar teknik dari Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) telah dihantar kesana pada tahun 1958 untuk memberi bantuan teknik di bidang perusahaan. (18) Bantuan tersebut diteruskan pada tahun-tahun berikutnya.

ii) PAKISTAN

Di dalam menyediakan rancangan ekonomi lima tahun di Pakistan, Lembaga Perancangan Ekonomi menyedari tentang pentingnya maklumat mengenai sumber tenaga buruh di negara tersebut di samping keperluan lain. Atas permintaan

(17) United Nation: Office of Public Information (Cetakan ke tujuh) 1963 m.s. 478

(18) Lihat Activities of the ILO (1958 - 1959) Report 1 (Part II) Terbitan Pejabat Buruh Antarabangsa m.s. 26

(18) Pakistan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) telah menjalankan suatu kajian mengenai tenaga manusia di negara itu, membuat syor-syor mengenai tindakan untuk memastikan bahawa pekerja-pekerja yang mahir boleh didapati untuk digunakan di perusahaan-perusahaan. Di samping itu pakar-pakar teknik dari Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) dihantar untuk memberi bantuan di bidang perusahaan tersebut. (19)

Maklumat yang dikumpulkan oleh pakar-pakar tersebut menunjukkan bahawa ada kekurangan tenaga buruh di dalam beberapa bidang pekerjaan seperti juruteknik. Sebaleknya ada berlebihan buruh di bidang pekerjaan yang lain khasnya buruh kasar di perusahaan-perusahaan. Maklumat tersebut telah diberikan kepada Lembaga Perancangan tersebut untuk diteliti.

iii) VIETNAM

Kerajaan Vietnam juga telah meminta bantuan dari Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) supaya menghantarkan pakar-pakar tekniknya. Pakar-pakar dihantar mulai tahun 1955. (20) Pakar-pakar dari Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) juga diminta untuk memberi nasihat mengenai masaalah menempatkan semula orang-orang pelarian dari pekerja-pekerja yang dahulunya diambil bekerja oleh Angkatan

(19) Opcit m.s. 27

(20) Lihat: Lapuran Ke sepuluh PBA kepada PKK (Terbitan Pejabat Buruh Antarabangsa - Geneva) 1956 m.s. 22

Expedisi Peranchis yang telah pun meninggalkan negara tersebut. Tugas pertama pakar-pakar tersebut ialah untuk menaksirkan keadaan tenaga buruh dengan merujuk khas kepada pekerja-pekerja di atas dan menimbangkan kemungkinan untuk mengambil mereka semula bekerja di bidang perusahaan dan pertanian yang lain kerana sebilangan besar orang-orang pelarian tersebut ialah petani-petani dan pekerja ladang.

iv) ASIA BARAT

Sejak tahun 1955 lagi Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) telah memberikan perhatian khas ke atas latihan-latihan bagi perkhidmatan pekerjaan di negara-negara Asia Barat. Biasiswa-biasiswa dan penghargaan kepada pelatih-pelatih dari Israil dan Turki yang menjalani latihan-latihan teknik di negara-negara Eropah juga telah diberikan.

Negara-negara Asia Barat juga beriminat di dalam projek bantuan teknik terutama mengenai kajian keatas tenaga buruh. Ini adalah untuk mengetahui masaalah tenaga buruh di negara-negara tersebut saperti penganggoran, kekurangan buruh mahir dan mobiliti buruh. Oleh sebab itu pakar-pakar dari Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) diperlukan untuk memberi maklumat tentang masaalah tersebut.

v) AMERIKA LATIN (Rancangan Andean Indian)

Rancangan Andean Indian adalah salah satu rancangan yang melibatkan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) pada tahun 1960an. Di tanah tinggi Andes (High Plateau of the Andes) terdapat ramai orang yang terlantar (strand) tinggal. Di tanah tinggi Andes yang meliputi negara Argentina, Bolivia, Chile, Columbia, Ecuador dan Peru terdapat kira-kira 7 juga orang Indian tinggal di sana. Di samping Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) rancangan ini telah melibatkan kerjasama dari pertubuhan-pertubuhan lain dari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan negara-negara berkenaan. (21)

Tujuan rancangan ini ialah untuk menyatukan semua penduduk di tanah tinggi Andes ini supaya mengikut cara hidup negara mereka masing-masing (the way of life of the countries to which they belong). Ia juga bertujuan untuk memberi mereka peluang di bidang pekerjaan di masa hadapan. Rancangan Andean India ini adalah salah satu projek Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) yang terbesar. Rancangan ini meliputi bidang kesihatan, pelajaran, pertanian dan perkhidmatan sosial. (22) Di sini Pertubuhan Buruh Antarahangsa (PBA) bertindak sebagai badan penyelaras

(21) United Nation: Office of Public Information (Seven Edition) 1963 m.s. 478

(22) Ibid., m.s. 479

(co-ordinating body) dan bekerjasama dengan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA), Pertubuhan Makanan dan Pertanian Sedunia (FAO), Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan Pertubuhan Pelajaran, Saintifik dan Kebudayaan PBB (UNESCO).

Beberapa langkah juga kemudiannya telah diambil iaitu memberikan tugas pelaksanaan rancangan itu selanjutnya kepada negara-negara yang terlibat. Dengan itu tugas tersebut tidaklah ditanggong sepenuhnya oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) dan pertubuhan lain yang terlibat. Langkah ini diambil dengan tujuan untuk mengurangkan beban Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) dan untuk memastikan bahawa semua aspek di dalam rancangan tersebut dijalankan sepenuhnya.

Pada tahun 1962 'Rancangan Andean Indian' ini telah dikaji semula oleh Kumpulan Penasihat Keatas Penduduk Asli Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) (Panel of Consultants on Indigenous). Akibatnya mereka berpendapat bahawa pengalaman yang didapati oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) dari Rancangan Andean Indian ini boleh digunakan untuk membuat rancangan saperti itu yang lain khasnya di Asia Barat, Asia dan Afrika. ⁽²³⁾

(23) Opcit., m.s. 479

3), PERLATIHAN (APPRENTICESHIP)

Perlatihan bukanlah satu gagasan (idea) baru. Jika kita lihat ke zaman dahulu, ia berasal dari kemahiran pertukangan (craft) yang diturunkan oleh ayah kepada anaknya. Di zaman moden ini konsep perlatihan dapat dijelaskan sebagai berikut:

(i) Matlamat (Objectives)

- (a) Melatih peserta-peserta kursus supaya mahir dan mempunyai darjah kebolehan yang tinggi di bidang kemahiran perdagangan (trade skill). Juga melatih mereka untuk mendapatkan pengetahuan di dalam teori asas lukisan, perkiraan dan prinsip-prinsip teknoloji dan melatih mereka di dalam kerja-kerja praktikal. (24)
- (b) Mencapai darjah kemahiran yang sama (uniform) di seluroh negara bagi memenuhi kehendak-kehendak tempatan (local needs). (25)

(ii) Cara Latihan

Latihan-latihan dijalankan supaya bersesuaian dengan kehendak-kehendak berikut:

- (a) Jangkamasa latihan dan cara ia dijalankan.
- (b) Darjah kemahiran yang akan dicapai.
- (c) Perlunya memberi latihan kemahiran dengan cara yang paling sistematik.

(24) Lihat: "ILO at Work in Federation of Malaya"
Terbitan Kementerian Buruh Malaysia (1960) m.s. 13-14

(25) ... 14

3). PERLATIHAN (APPRENTICESHIP)

Perlatihan bukanlah satu gagasan (idea) baru. Jika kita lihat ke zaman dahulu, ia berasal dari kemahiran pertukangan (craft) yang diturunkan oleh ayah kepada anaknya. Di zaman moden ini konsep perlatihan dapat dijelaskan sebagai berikut:

(i) Matlamat (Objectives)

- (a) Melatih peserta-peserta kursus supaya mahir dan mempunyai darjah kebolehan yang tinggi di bidang kemahiran perdagangan (trade skill). Juga melatih mereka untuk mendapatkan pengetahuan di dalam tiori asas lukisan, perkiraan dan prinsip-prinsip teknologi dan melatih mereka di dalam kerja-kerja praktikal. (24)
- (b) Mencapai darjah kemahiran yang sama (uniform) di seluroh negara bagi memenuhi kehendak-kehendak tempatan (local needs). (25)

(ii) Cara Latihan

Latihan-latihan dijalankan supaya bersetujuan dengan kehendak-kehendak berikut:

- (a) Jangkamasa latihan dan cara ia dijalankan.
- (b) Darjah kemahiran yang akan dicapai.
- (c) Perlunya memberi latihan kemahiran dengan cara yang paling sistematis.

(24) Lihat: "ILO at Work in Federation of Malaya"
Terbitan Kementerian Buruh Malaysia (1960) m.s. 13-14

(25) Ibid., m.s. 14

Perlatihan adalah salah satu lagi bidang di mana Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) memainkan peranannya. Di dalam Persidangan Buruh Antarabangsa tahun 1939, telah diberikan gambaran rengkas mengenai sistem perlatihan yang sesuai dengan keperluan zaman moden ini.⁽²⁶⁾ Iaitu:

"Sebarang sistem di mana majikan mengambil pekerja-pekerja muda dengan cara kontrek, melatih mereka dengan cara yang sistematik, di dalam jangkamasa yang ditentukan dan pelatih tadi akan bekerja dengan majikan tadi"⁽²⁷⁾

Rancangan Perluasan Bantuan Teknik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) (ETAP) baharu-baharu ini telah menyuruh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) supaya meluaskan lagi kerja bantuan teknik di dalam bidang latihan tenaga manusia. Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) telah menghantar pakar-pakarnya ke negara-negara anggota untuk menolong menukuhan skim perlatihan.

4). DAYA PENGEUARAN (PRODUCTIVITY)

Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) sangat mengambil berat terhadap masaalah kekurangan pekerjaan dan taraf bidang yang rendah di seluruh dunia. Sebagai sebuah agensi bebas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) terpaksa mengatasi masaalah yang tersebut di atas.

(26) Di dalam "Recommendation" (No. 60)

(27) Lihat Lapuran ILO keatas Latihan Vokesyenal - Lapuran 1949/50

Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) telah lama menyedari betapa pentingnya untuk mengatasi masaalah sosial dan ekonomi di seluruh dunia. Oleh sebab itu Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) telah mula melancarkan aktiviti gerakan (operational activity) dan rancangan bantuan teknik. Satu bidang baru di mana Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) menjalankan kerjanya ialah bidang daya pengeluaran (productivity). Ini adalah merupakan ketegasan baru bagi Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA). Rancangan ini mulai berjalan dengan pesatnya pada tahun 1960an. Ia memberi bantuan teknik kepada negara-negara anggota di dalam berbagai bentuk.⁽²⁸⁾

- (i) Menghantar ke negara-negara anggota kumpulan pakar-pakar yang diberi nama Utusan Daya Pengeluaran (Productivity Mission).
- (ii) Mengadakan kursus-kursus dan latihan serta mengadakan seminar mengenai daya pengeluaran negara.
- (iii) Menolong menubuhkan Pusat Daya Pengeluaran Negara dan Pusat-pusat Latihan.
- (iv) Memberi hadiah-hadiah untuk mempelajari bidang daya pengeluaran di luar negara kepada pelatih.

(28) Lihat: "ILO at Work in Federation of Malaya" Terbitan Kementerian Buruh 1960., m.s. 18

Atas permintaan dari negara-negara anggota, Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) telah menghantar Utusan Daya Pengeluaran ke lebih daripada dua puluh buah negara termasuk Israel, India, Mesir, Pakistan, Yugoslavia, Brazil, Bolivia, Greece, Hong Kong, Ceylon, Thailand, Burma, Singapura dan Malaysia. (29)

Tujuan utusan tersebut ialah, pertama untuk mewujudkan bagaimana sumber-sumber alam (natural resources) negara dapat digunakan sepenuhnya untuk perusahaan. Ia dilakukan dengan menggunakan pengurusan moden, kejuruteraan moden dan tanpa menggunakan modal yang besar.

Kedua, dengan cara melatih individu dari negara-negara anggota supaya berkelayakan menjadi pengurus, pengawas, penyelia dan pekerja. Juga dimaksudkan supaya mereka cekap menggunakan sumber yang terhad, alat-alat yang kurang lengkap dan dapat mengeluarkan hasil yang besar (productive).

Di dalam menyelesaikan masaalah daya pengeluaran yang tinggi Utusan Daya Pengeluaran menerima dua faedah. (30)

- (i) Hubungan yang rapat antara Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) dengan kerajaan, majikan dan pekerja di negara-negara yang berkenaan.
- (ii) Utusan tersebut menjalankan kerjanya berdasarkan kepada prinsip-prinsip yang diberikan oleh perwakilan kerajaan, majikan dan pekerja.

(29) Ibid., m.s. 18

(30) Opcit., m.s. 19

Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) juga telah menolong membuat polisi berkaitan dengan daya pengeluaran dengan kerjasama perwakilan kerajaan, majikan dan pekerja.

5). RANCANGAN LATIHAN VOKESYENAL

Aspek yang tidak kurang pentingnya di dalam rancangan tenaga buruh di dalam hubungannya dengan perkembangan ekonomi ialah pelajaran dan latihan buruh itu sendiri. Adalah penting untuk memahami perkembangan pelajaran dan latihan secara keseluruhan di dalam rancangan pembangunan ekonomi.

Rancangan latihan vokesyenal ini adalah sebahagian dari rancangan bantuan teknik Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA). Di perengkat antarabangsa ini kerjasama yang rapat antara badan-badan seperti Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) dan Pertubuhan Pelajaran, Sain dan Kebudayaan PBB (UNESCO) adalah perlu. Institute untuk perkembangan ekonomi dan sosial juga diperlukan di sini.⁽³¹⁾

Usaha-usaha juga dibuat untuk menggalakkan lagi perkembangan latihan vokesyenal selain dari menghantar pakar-pakar dan penasihat di bidang tersebut. Umpamanya dengan memberi hadiah pelajaran kepada pelatih untuk belajar di bidang vokesyenal. Ini adalah dengan harapan bantuan yang diberikan itu dapat memenuhi keperluan tenaga buruh. Rancangan vokesyenal ini telah dijalankan di

(31) Lihat - Lapuran PBA kepada PBB - Geneva 1946

beberapa buah negara Asia seperti Burma, Pakistan dan Malaysia mulai tahun 1956.⁽³²⁾ Rancangan tersebut melibatkan latihan yang diberikan bukan sahaja kepada orang-orang dewasa (adults) tetapi juga kepada belia.

Latihan kepada orang-orang dewasa adalah mustahak sekali di dalam menjayakan rancangan pembangunan ekonomi sebuah negara. Oleh itu pakar-pakar telah diminta memberi bantuan mereka di bidang ini oleh negara-negara Asia, Afrika, Asia Barat dan Amerika Latin. Persidangan Latihan Teknik dan Vokesyenal Asia yang diadakan di Rangoon pada tahun 1955 telah meminta bantuan pertubuhan itu. Atas permintaan tersebut pakar-pakar pertubuhan itu telah membuat kajian mengenai kemudahan-kemudahan latihan teknik dan vokesyenal di negara-negara Asia. Pakar-pakar juga dihantar ke negara-negara Asia untuk memberi nasihat dan latihan secara terus. Contohnya pada tahun 1958 hingga 1959 A.C. Eldsidge telah dihantar ke Malaysia bagi maksud tersebut. Lapuran yang berupa monograph mengenai kemungkinan latihan vokesyenal di Ceylon, India, Indonesia dan Pakistan telah dikeluarkan pada tahun 1958 dan diberikan kepada negara-negara tersebut.

Di Chile, pakar-pakar dari pertubuhan buruh telah membuat kajian mengenai keperluan latihan vokesyenal kepada

(32) Lihat - Lapuran Pengurus Agung PBA kepada PBB (Terbitan Pejabat Buruh Antarabangsa) Geneva - 1945

belia-belia di negara tersebut khususnya di dalam perusahaan pakaian, perusahaan besi dan tembaga. Berikut dari kajian tersebut dua pusat latihan vokesyenal telah dibuka di negara itu pada tahun 1959.

Rancangan-rancangan yang sama juga telah dijalankan di Peru pada tahun 1959 di mana pengarah-pengarah latihan vokesyenal telah dihantar ke negara tersebut untuk memberi bantuan. Di bawah rancangan keahlian (fellowship) dan dengan bantuan United Nation, Educational, Saintific and Cultural Organisation (UNESCO), pertubuhan itu telah menghantar ramai pelatih-pelatih dari Mexico untuk bekerja di luar negeri di bidang teknik dan vokesyenal.

Di Rangoon, kursus setahun bagi pengangkutan air di Asia khususnya di bidang membaiki jentera telah dimulakan pada tahun 1958 oleh Pusat Latihan Kejenteraan. Rancangan ini dibantu oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) dan masih berjalan hingga ke hari ini.

Pusat Latihan tersebut telah ditubuhkan dan dibiayai oleh kerajaan Burma, Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) Rancangan Colombo bagi kerjasama ekonomi negara-negara Asia Tenggara. Jangkamasa bagi latihan tersebut ialah tiga tahun dan tiap-tiap tiga tahun seramai 85 orang menerima latihan. Di India, Laos, Malaysia dan Pakistan projek latihan vokesyenal di atas masih berjalan dan pelatih-pelatih diawasi oleh pakar-pakar dari Pertubuhan Buruh Antarabangsa.

Di Burma pakar-pakar pertubuhan itu sedang memberi nasihat mereka di dalam rancangan pembinaan jalanraya di negara tersebut. Mereka juga memberi nasihat mengenai penempatan-penempatan bengkel (workshop) serta membuka dua pusat latihan.

Di dalam "Italian Trust Territory of Somaliland dahulu (1958) pakar-pakar dari pertubuhan buruh telah membantu di dalam menyusun semula pertubuhan sekolah-sekolah perdagangan di Mogadiscia dan cuba meninggikan lagi mutu latihan di sekolah-sekolah tersebut.

Dengan kerjasama kerajaan Swiss, UNESCO, Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) dan Pertubuhan Kerjasama Ekonomi Eropah, Pertubuhan Buruh telah mengerjakan satu latihan vokesyenal di bidang pertanian. Latihan pertama telah diadakan di Pusat Pelajaran Pertanian Antarabangsa. (33) Di dalam rancangan ini pertubuhan buruh telah menyediakan perkhidmatan pensyarah dan memberi beberapa hadiah penghargaan kepada peserta-peserta yang mengambil bahagian.

Rancangan pekerja pelatih (worker-trainee) oleh pertubuhan ini yang dahulunya untuk pekerja-pekerja dari Yugoslavia (34) kini telah meliputi pekerja-pekerja dari negara-negara lain seperti Pakistan, India, Iran, Israel dan Turki. Pada akhir tahun 1958 sejumlah 1,200 pekerja

(33) Zurich - August-September 1959

(34) Bermula dari 1954

telah menerima latihan di dalam rancangan "planting" di dalam beberapa perusahaan di Eropah.

Latihan vokesyenal diberikan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) ini dengan pesatnya. Kepada negara-negara yang sedang dan kurang membangun kerana di dalam pembangunan sesebuah negara latihan bagi buruh adalah mustahak demi untuk mewujudkan buruh mahir dengan lebih ramai lagi.

6). KOPERASI

Koperasi adalah satu bidang baru bagi Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA). Banyak Syarikat Kerjasama ditubuhkan di dalam negara-negara anggota berikut dari pertumbuhan ekonomi negara-negara tersebut. Oleh sebab itu adalah dirasakan perlu bagi Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) untuk menolong negara-negara yang membangun ini di bidang koperasi ini.

Sebagai menyahut permintaan negara-negara anggota mengenai kerjasama di dalam pemberian maklumat, Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) telah menerbitkan memograph dan dokumentasi mengenai perkara tersebut.

Sebagai tambahan, panduan kerjasama antarabangsa telah dikeluarkan pada tahun 1958. Panduan tersebut mengandungi data prinsip kerjasama antarabangsa. Panduan tersebut juga telah memberi data lain yang boleh menggalakkan perdagangan dan perhubungan kepada negara-negara anggota.

Keluaran terbaharu mengenai maklumat tersebut telah dikeluarkan pada tahun 1970.⁽³⁵⁾ Ianya membentangkan perkembangan yang berlaku di bidang kerjasama di antara negara-negara anggota. Ia boleh digunakan oleh individu atau pertubuhan yang berminat di dalam pergerakan kerjasama. Di dalam terbitan yang lain pula butir-butir seperti projek perumahan, pentadbiran dan pengurusan syarikat kerjasama telah diberikan.

Dua seminar mengenai pertubuhan kerjasama telah diadakan. Di dalam seminar kerjasama antara kawasan di Copenhagen, Denmark pada tahun 1959 masaalah mengenai kerjasama telah dibincangkan. Seminar tersebut telah di-anjurkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) dan dikendalikan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA). Di dalam seminar tersebut wakil-wakil dari pertubuhan kerjasama dan ketua-ketua negara dari Timur Tengah, Afrika Utara dan Eropah Timur telah bersama-sama membincangkan masaalah kerjasama serantau dan antarabangsa. Kuliah-kuliah di dalam seminar tersebut telah diberikan oleh tokoh-tokoh kerjasama dari pergerakan-pergerakan kerjasama dunia, Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) dan Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO). Peserta-peserta yang mengambil bahagian telah mengambil kesempatan untuk mempelajari hal-hal mengenai pergerakan kerjasama di

(35) ILO Issue of Co-operative Information 1970

Denmark dan Switzerland iaitu dua buah negara yang paling maju di dalam bidang pergerakan kerjasama.

Seminar ke dua ialah seminar kerjasama bagi rantau Asia yang keenam yang diadakan di Rangoon pada 1958. Seminar yang dihadiri oleh wakil-wakil dari pertubuhan-pertubuhan kerjasama di negara-negara Asia telah dianjurkan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA). Pekok perbincangan di dalam seminar tersebut ialah cara-cara pengurusan dan penyusunan pertubuhan kerjasama termasuk aktiviti-aktiviti penyelidikan.

Di dalam persidangan kerjasama bagi rantau Asia Tenggara yang diadakan di Kuala Lumpur pada 1958 dan di-anjurkan oleh Perikatan Kerjasama Antarabangsa (International Co-operative Alliance) wakil-wakil dari Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) juga turut hadhir.⁽³⁶⁾ Di dalam persidangan ini, telah dibincangkan betapa mustahaknya bantuan teknik kepada pertubuhan-pertubuhan kerjasama. Berikutnya dari persidangan di atas, wakil-wakil dari Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) dan Perikatan Kerjasama Antarabangsa telah berbincang di Geneva pada 1959 tentang kemungkinan sesebuah badan penyelaras (co-ordinasi) untuk perkembangan pertubuhan kerjasama. Masaalah perumahan dan pelajaran bagi pekerja-pekerja pertubuhan kerjasama juga telah dibincangkan.

(36) Lihat Lapuran Pengurus Agung PBA Kepada PBB (Geneva) 1959.

Contoh bantuan-bantuan yang telah diberikan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA) di bidang ini ialah bantuan teknik kepada perusahaan kerjasama di Afganistan. Bantuan-bantuan teknik telah diberikan kepada pertubuhan kerjasama pengeluar-pengeluar di Burma, pertubuhan kerjasama pelajaran dan bank di Filipina dan pertubuhan kerjasama pelajaran di Pakistan pada tahun 1959.

Peruntukan-peruntukan juga telah dibuat pada tahun 1959 untuk memberi bantuan kepada pertubuhan-pertubuhan kerjasama Iran, Malaysia, Morroco, Costs Rica, Venezuela, Borneo Utara dan Trinidad. Beberapa orang tokoh di dalam pertubuhan kerjasama telah mempelajari pergerakan pertubuhan kerjasama dengan lebih mendalam lagi di berbagai-bagai negara yang telah maju di bidang kerjasama seperti Belgium, Denmark, United Kingdom dan Sweden. Mereka telah dibiayai oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (PBA).